



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Johor Jalan
Tun Abdul Razak
80604 Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim
Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor
Pembangunan Murid

Telefon : 07-231 0000
Pengarah : 07-231 0198
Timbalan : 07-231 0191
Faks : 07-234 7132
Laman Web :
<http://ipn.moe.gov.my/ipnjohor>
e-mel :
ipn.johor@moe.gov.my
Telefon : 07-2311480/484
Faks : 07-2380742

Ruj. Kami : JPNJ.600-3/4/29(61)

Tarikh : 18 Jun 2025

Pengetua dan Guru Besar Sekolah Jenis Kebangsaan Cina;

Sekolah-sekolah Menengah dan Rendah Negeri Johor

Melalui dan salinan;

Pegawai Pendidikan Daerah

Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Johor

Tuan,

**JEMPUTAN PERTANDINGAN KALIGRAFI, DEKLAMASI SAJAK DAN MAJLIS
PENUTUPAN RASMI KARNIVAL BAHASA CINA PERINGKAT NEGERI JOHOR
TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya surat daripada Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia bernombor rujukan : KPM.600-127/1 bertarikh Julai 2025 dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) bersama-sama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Batu Pahat dan Jawatankuasa Permuafakatan Bahasa Cina Daerah Batu Pahat akan mengelolakan **Karnival Bahasa Cina Peringkat Negeri Johor Tahun 2025** secara bersemuka. Karnival ini akan diadakan seperti butiran yang berikut

- 2.1 Pertandingan Kaligrafi : 10 Julai 2025
- 2.2 Pertandingan Deklamasi Sajak : (SJKC Cheng Siu 1, dan SMK Banang Jaya, Batu Pahat)
- 2.3 Majlis Penyampaian Hadiah dan Penutupan Rasmi : SJKC Cheng Siu 1 Batu Pahat

3. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor dengan tulus ikhlas merakamkan ucapan tahniah kepada semua peserta dari pihak sekolah tuan yang telah berjaya ke peringkat negeri bagi mewakili daerah masing-masing. Sehubungan dengan itu, pihak JPNJ berbesar hati untuk menjemput peserta/pemenang/murid bersama guru pembimbing dari sekolah tuan (**seperti di lampiran**) untuk menyertai pertandingan dan majlis penutupan rasmi tersebut. Penyertaan daripada pihak tuan amat dihargai dan mampu meningkatkan kecemerlangan kokurikulum negeri Johor.

4. Oleh itu, dengan hormatnya dimohon kerjasama pihak tuan untuk memberi pelepasan kepada pegawai/guru pembimbing dan murid di bawah seliaan tuan untuk menghadiri pertandingan akhir dan majlis penutupan rasmi tersebut mengikut tarikh, masa dan lokasi yang telah ditetapkan.